

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 20 JANUARI 2015 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Pantai barat bakal dilanda ribut petir	Harian Metro
2	Kuala Krai catat suhu kedua paling sejuk selepas Cameron Highlands	Kosmo
3	Beberapa siri hujan lebat diramal landa Pantai Timur	Utusan Malaysia
4	'Musim sejuk' tiba	Harian Metro
5	Sekali air bah semua parah	Berita Harian
6	Temperature falls to 19.4°C in Kuala Krai	The Star
7	6,300 evacuees in 30 relief centres	New Straits Times
8	High tide ends brief respite in S'wak	The Star
9	Sebanyak 33 sekolah di Sarawak ditutup, 22 dipantau rapi	Bernama.com
10	Suhu di Kuala Krai kedua terendah hari ini - Meteorologi	Bernama.com

Che Gayah

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 8
TARIKH: 20 JANUARI 2015 (SELASA)

Kuala Krai catat suhu kedua paling sejuk selepas Cameron Highlands

KOTA BHARU – Jajahan Kuala Krai mencatatkan suhu kedua paling sejuk di negara ini selepas Cameron Highlands, Pahang semalam.

Menurut laman web **Jabatan Meteorologi**, Kuala Krai mencatatkan suhu minimum 19.4 darjah Celsius dan maksimum 30.5 darjah Celsius.

Suhu terendah jajahan tersebut kali pertama adalah pada Januari tahun lalu iaitu 17.2 darjah Celsius.

Suhu di Cameron Highlands pula semalam minimum 12.5 darjah Celsius manakala maksimum 22.8 darjah Celsius.

Jabatan Meteorologi dalam

kenyataannya tidak menolak kemungkinan fenomena cuaca sejuk yang pernah berlaku pada tahun lepas kembali berulang.

“Udara sejuk dari pergunungan Himalaya dan Siberia ketika musim sejuk di Hemisfera Utara merupakan penyebab utama kejadian suhu sejuk ekstrem berlaku di utara dan pantai timur Semenanjung pada Januari tahun lepas.

“Kehadiran udara sejuk yang mendap menyebabkan keadaan kurang pembentukan awan. Suhu lebih sejuk pada waktu malam sehingga mencatat suhu serendah 17.2 darjah Celsius seperti berlaku di Kuala Krai tahun lalu,” kata kenyataan itu. – Bernama

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 20 JANUARI 2015 (SELASA)

Beberapa siri hujan lebat diramal landa Pantai Timur

KUALA LUMPUR 19 Jan. - Jabatan Meteorologi meramalkan akan berlaku beberapa lagi siri hujan lebat di negeri-negeri Pantai Timur terutama di Kelantan sebelum musim monsun Timur Laut berakhir pada pertengahan Mac ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Che Gayah Ismail sehubungan itu meminta semua pihak bersiap sedia dan berwaspada bagi menghadapi risiko banjir di kawasan yang rendah selain penurunan suhu di kawasan terbabit.

Katanya, perubahan cuaca dan suhu itu banyak dipengaruhi oleh tiupan angin antara 40 dan 50 kilometer sejam dengan ketinggian ombak 3.5 meter.

"Diramalkan sebelum monsun Timur Laut berakhir pada pertengahan Mac ini akan berlaku empat atau lima lagi siri hujan lebat di Pantai Timur sepanjang bulan ini. Perkara ini juga akan menyebabkan penurunan suhu.

"Sepanjang bulan ini, purata suhu yang dicatatkan adalah 21.6 darjah Celsius manakala suhu terendah adalah 18.6 darjah Celsius di Kuala Krai sehingga semalam berbanding

17.2 darjah Celsius untuk tempoh sama tahun lepas," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Kata Che Gayah, fenomena itu berlaku akibat udara sejuk dari pergunungan Himalaya dan Siberia sewaktu musim sejuk di Hemisfera Utara.

Jabatan Meteorologi ujarinya, akan mengeluarkan maklumat terkini dari semasa ke semasa bagi memantau siri hujan lebat itu dengan mengeluarkan amaran peringkat kuning sebelum berlakunya kejadian tersebut.

"Amaran peringkat kuning akan dikeluarkan 24 jam hingga 48 jam sebelum episod hujan lebat itu melanda.

"Dalam hal ini, kami akan sentiasa menghubungi pihak yang terbabit seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN) termasuk polis, bomba dan hospital melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) supaya langkah berjaga-jaga dapat diambil," ujarinya.

Sehubungan itu, beliau menasihati orang ramai agar sentiasa berwaspada dan mengikuti arahan yang dikeluarkan pihak berkuasa selain boleh mengikuti perkembangan cuaca di laman web www.met.gov.my

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 32
TARIKH: 20 JANUARI 2015 (SELASA)



Suhu di telefon bimbit pada jam 11 pagi di Kampung Tualang, Kuala Krai menunjukkan 27 darjah Celsius.

Kota Bharu: Suhu di beberapa daerah di negeri ini iaitu Kuala Krai, Machang dan Kota Bharu dilaporkan semakin sejuk apabila menunjukkan penurunan hingga mencecah 19 darjah Celsius berbanding sebelumnya 27 darjah Celsius.

Pengarah Jabatan Meteo-

rologi Kelantan Maqrum Fadzli Mohd Fahmi berkata, suhu berkenaan dicatatkan sekitar jam 4 hingga 8 pagi kelmarin.

Menurutnya, bagaimanapun suhu itu belum dapat mengatasi rekod dua tahun lalu iaitu 17 darjah Celsius.

"Fenomena ini dianggap

biasa kerana tahun lalu suhu lebih rendah berbanding tahun ini.

"Ia tiada kaitan dengan banjir besar yang melanda negeri ini kerana kebanyakannya berlaku di sekitar kawasan berbukit," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, fenomena

itu dijangka berlarutan hingga Februari.

"Saya minta orang ramai supaya tidak membuat sebarang spekulasi melalui penyebaran maklumat berhubung suhu kononnya berada pada tahap beku kerana setakat ini julat suhu menunjukkan ia masih di tahap biasa," katanya.

Akhbar sebelum ini melaporkan cuaca sejuk melampau dijangka melanda beberapa kawasan di negara ini dalam tempoh terdekat.

Fenomena itu dialami penduduk di negeri pantai timur yang baru dilanda banjir besar, Disember lalu.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (RENCANA) : MUKA SURAT 27
TARIKH: 20 JANUARI 2015 (SELASA)



Lumpur tebal selepas banjir besar di Kelantan bukan sahaja menyukarkan kerja pembersihan tanpa bekalan air mencukupi malah perlu masa panjang untuk pulih sepenuhnya.
(FOTO HASAN)

Sekali air bah semua parah

» **Kerakusan manusia antara punca bencana alam**

Banjir besar yang melanda Semenanjung pada akhir tahun 2014 membabitkan hampir 200,000 mangsa. Jumlah kerugian harta benda dan kerosakan infrastruktur dijangka mencecah RM2 billion. Hingga kini, kerja pembersihan masih giat dijalankan. Sebahagian kecil mangsa banjir masih tinggal di pusat pemindahan.

Ada juga yang terpaksa tinggal di khemah kerana rumah mereka telah ranap dihanyutkan air.

Pada Februari 2011, laporan ahli sains yang diterbitkan dalam dua jurnal sains membuktikan bahawa kelakuan manusia mempunyai kaitan dengan kejadian banjir dan perubahan iklim.

Laporan berkenaan menyatakan pemanasan global dan perubahan iklim akan menyumbang kepada peningkatan sebanyak 20 peratus kejadian banjir yang berlaku di seluruh dunia.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), perubahan iklim menyebabkan corak hujan di Malaysia berubah.

Di bahagian tengah dan selatan Semenanjung, lebih banyak hujan dan tertumpu pada kawasan tertentu sahaja, berbanding pada masa lalu yang tersebar luas di seluruh kawasan.

Umpamanya, hujan lebat dan kejadian banjir besar yang berlaku di Johor pada akhir tahun 2006. Catatan hujan di Johor Bahru mencapai

289mm dalam masa sehari sahaja, iaitu catat jumlah isi padu hujan di Johor Bahru, iaitu 2400mm setahun.

Banyak sebab punca banjir

Ada banyak sebab yang menyumbang kepada peningkatan kejadian banjir di Malaysia. Antaranya, berpunca daripada perubahan iklim dan projek penebatan banjir yang kurang berkesan.

Fenomena La Nina yang kerap kali berlaku sejak beberapa tahun kebelakangan ini membawa lebih banyak hujan ke negara ini.

Hujan yang sangat lebat dalam masa yang singkat dan tertumpu kepada satu kawasan. Keadaan ini menyebabkan sistem perparitan yang sedia ada tidak dapat menampung isi padu air hujan yang tinggi.

Sungai juga tidak dapat menampung air hujan berkenaan sehingga melimpah, menyebabkan berlaku banjir. Selain itu, sampah-sarap yang dibuang ke dalam sungai oleh pihak yang tidak bertanggungjawab menyebabkan sungai tercemar dan tersekat.

Berdasarkan lumpur tebal yang tinggal selepas banjir besar yang berlaku di Kelantan jelas menunjukkan penebatan hutan yang berleluasa juga menyumbang kepada banjir yang terburuk dalam sejarah Malaysia ini.

Corak cuaca sukar diramal

Menurut kajian **Jabatan Meteorologi Malaysia**, corak cuaca sekarang memang sukar untuk diramalkan. Ini jelas kelihatan apabila musim kemarau yang berlanjutan berlaku pada awal tahun 2014 menyebabkan krisis air di beberapa negeri di Semenanjung.

Banjir besar tahun 2014 di Semenanjung bukannya sesuatu yang ba-

haru. Pada tahun 2006/2007, hujan lebat yang berpanjangan menyebabkan sungai di kawasan yang terabit melimpah dan menyebabkan banjir.

Kawasan yang paling teruk terjejas adalah Johor, yang menyebabkan hampir 40,000 penduduk terpaksa berpindah ke pusat pemindahan banjir.

Akibatnya, Kerajaan Pusat memperuntukkan berjuta-juta ringgit untuk melaksanakan kerja penebatan banjir di seluruh Malaysia.

Namun, banjir besar yang masih berlaku saban tahun jelas menunjukkan satu pelan adaptasi perubahan iklim dan dasar perlindungan alam sekitar yang lebih menyeluruh perlu dirancang.

Masalah ini tidak hanya berlaku di Malaysia. Sebagai contoh, banjir besar yang berlaku di Pantai Timur Australia.

Ia menyebabkan tapak penggalian arang batu tertutup dan menyebabkan kerosakan sehingga berbilion-bilion dolar Amerika.

Bencana alam yang berlaku di negara maju itu turut menunjukkan bahawa bencana yang berkait rapat dengan iklim ini boleh berlaku di mana-mana sahaja, tanpa mengira status negara berkenaan.

Sebagai antara negara yang mengimport arang batu daripada Australia, Malaysia terpaksa mencari negara lain untuk membekalkan arang batu untuk keperluan penjanaan tenaga negara. Ini menyebabkan kos menghasilkan tenaga elektrik meningkat.

Peranan kerajaan

Untuk mengatasi isu banjir ini, peranan kerajaan amat penting. Rancangan Projek Penebatan Banjir di kawasan yang sering berlaku banjir hendaklah disiapkan dalam masa paling singkat.

Selain itu, maklumat semasa berlaku banjir besar perlu disalurkan secara berkesinambungan kepada mangsa dan agensi kerajaan yang bertanggungjawab.

Sistem penyebaran maklumat ini hendaklah dipastikan supaya tidak tergendala ketika berlakunya banjir. Sistem amaran banjir seperti yang dinyatakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin juga perlu dilaksanakan dan disiapkan pada masa yang ditetapkan.

Pengguna juga perlu memainkan peranan. Pengguna perlu bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Mereka harus menjaga kebersihan sungai kerana ia adalah sistem perparitan semula jadi dan menjadi sumber utama bekalan air.

Sampah yang dibuang ke dalam longkang menyebabkan masalah longkang tersumbat. Apabila ia tersumbat, fungsinya sebagai sistem saliran air tergendala sehingga menyebabkan banjir.

Di samping itu, pengguna juga seharusnya berani memberi kritikan yang membina dan membuat aduan kepada pihak yang berkuasa apabila mendapati tiada apa-apa usaha yang dijalankan bagi mengatasi masalah banjir ini.

Syarikat swasta, terutama syarikat bekalan air perlu memainkan peranan lebih aktif dalam rancangan pencegahan banjir kerana mereka mempunyai kepakaran dalam bidang ini.

Selain itu, mereka juga harus memastikan air minuman yang bersih masih dapat dibekalkan kepada penduduk apabila berlakunya kejadian banjir.



Penulis

ialah Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA)



DR MARIMUTHU NADASON

Temperature falls to 19.4°C in Kuala Krai

KOTA BARU: After the floods and mud came the cold snap.

The Kuala Krai district recorded the lowest temperature in the country after Cameron Highlands, according to the Malaysian Meteorological Department.

It reported on its website, www.met.gov.my, that Kuala Krai had the lowest temperature of 19.4°C yesterday. The maximum temperature was 30.5°C.

Cameron Highlands recorded a minimum temperature of 12.5°C and a maximum 22.8°C, according to the website.

The department, in a statement, did not rule out the possibility of a repeat of the weather phenomenon of last year.

"Cold air from the Himalayas and Siberia, during the winter in the northern hemisphere, was the main factor for the extreme cold weather in the north and east coast of the peninsula in January last year.

"The presence of cold air causes less cloud formation, leading to cooler temperatures at night and resulting in a low temperature of 17.2°C as happened last year in Kuala Krai," it said.

The statement said this phenomenon was difficult to forecast due to other contributory factors.

The people can obtain the latest information on the weather via the hotline 1-300-22-1638, the website, the MetMalaysia page on Facebook at <https://www.facebook.com/malaysiamet> or the Twitter page at <https://twitter.com/malaysiamet>. — Bernama

PRIME NEWS

6,300 evacuees in 30 relief centres

ALERT: 36 schools closed, 3,000 students affected

ADIB POVERA
AND DENNIS WONG
PETRA JAYA
news@nst.com.my

FLOODING in the state continues to worsen following continuous intermittent rain, with more than 6,300 people evacuated yesterday.

Several schools and public places were also inundated.

At press time, the number of evacuees increased by 10-fold to 6,374 from 690 people on Sunday.

Deputy Chief Minister Tan Sri Alfred Jabu said 30 relief centres were housing families.

"Sixteen relief centres have been set up in Kuching, followed by six in Samarahan.

"There is another relief centre each in Mukah and Limbang," said Jabu, who heads the state's disaster



A villager moving furniture after his house is flooded in Kuching yesterday. Pic by Mohd Radzi Bujang

management committee.

Jabu said the situation might become worse if the downpour, compounded by high tide, continued until end of the month.

"The state government has made

preparations to ensure that evacuation and distribution of aid are carried out smoothly. With the help of National Security Council, we will take care of the people," he said, adding that deployment of assets would ensure that food and necessities reached victims.

He said the water barrage across Sungai Sarawak had been maintained and would cushion the impact of floods, should they occur in low-lying areas in Kuching.

Jabu said boats operators in the state were allowed to operate as normal despite the weather.

However, *penambang* (boat) operators, he said, had been instructed by the Sarawak Rivers Board to temporarily cease operations following strong river currents.

State Welfare, Women and Family Development Minister Datuk Fatimah Abdullah said 36 schools had



Villagers of Kampung Batu Kitang using a sampan to get to higher ground following floods in Kuching yesterday. Pic by Mas Adib Saie

been closed because of the floods.

The closure affects more than 3,000 primary and secondary students.

Among the affected schools in Miri, Padawan, Baram, Lawas, Serian and Kuching are SK Sibuti; SK Kuala Miri; SK Kampung Pinang; SK Patung; Sk Batu Kitang; SK Rantau Panjang; SK St Patrick; SK Penghulu Baya Mallang; SK Luagan; SMK Tebakang; SK St Teresa; and, SK St Hendry.

Eleven were closed after roads were inundated while the others were submerged in knee-high to waist-high floodwaters.

She said 44 other primary and secondary schools in the state remained operational.

In Serian, 41 students and 122 staff of SMK Bau were trapped in the school because of rising floodwaters.

State Fire and Rescue Department operation assistant director Farhan Suffyan Borhan said firemen had checked on the situation.

"The hostel warders are looking after the students and checks showed that the students have enough food for the next three days."

Farhan said a woman, who is nine month's pregnant, was among nine people evacuated from a clinic in Tebakang to Serian Hospital.

In Kuching, the Wind Cave and Fairy Cave Nature Reserves have



been temporarily closed.

Sarawak Forestry Corporation said yesterday it decided to close the nature reserves as the floods had damaged the facilities and plank walks in both areas.

The Meteorology Department has maintained its orange stage alert for eight divisions.

The department said intermittent rain was expected to persist until today in Kuching, Samarahan, Sri Aman, Betong, Sarikel, Sib, Mukah and Bintulu.

The water level of Sungai Sarawak at the Bukit Kitang telemetry and Kampung Git river stations remained at a dangerous level, with readings of 5.09m and 13.94m as of 7pm yesterday.

The water level at the Kuala Marong station was 2.69m while the water level soared to 17.41m at the Buan Bidu station.

PM orders relief operations

KUALA LUMPUR: Prime Minister Datuk Seri Najib Razak has instructed government agencies to channel aid to flood victims in Sarawak.

Najib said yesterday he would monitor the situation.

"I have asked relief operations to be mobilised as soon as possible to help those in need."

He expressed his gratitude to the

Prime Minister's Department (PMD) officials, Wives of Civil Servants and Women Civil Servants Association (Puspanita) and the public for their contribution to the government's flood relief fund.

"Thank you, staff of PMD, Puspanita and the public for your contribution to the flood relief fund," he tweeted yesterday.



A child taking a nap after being evacuated to the Kampung Sinar Budi Baru multipurpose hall in Kuching yesterday. Pic by Mohd Radzi Bujang

High tide ends brief respite in S'wak

Floodwaters rise again causing evacuee numbers to rise to 5,178

By YU JI, ANDY CHUA
and STEPHEN THEN
sarawakstar@thestar.com.my

KUCHING: There was a brief respite for flood evacuees in the state after the rain stopped at around noon, allowing the closure of three relief centres.

However, when high tide came at 4pm yesterday, the waters rose again, causing the number of evacuees to climb to 5,178 — the highest since shelters opened on Sunday evening.

At 5pm, two stations along Sarawak River showed readings above the danger level while three others were at the warning level.

According to the National Security Council, 34 shelters were opened across Sarawak by evening, of which 19 were in the Kuching division, serving 2,677 evacuees.

Deputy Chief Minister Tan Sri Alfred Jabu Numpang said the Kuching Barrage would close and open according to the tide level, pointing out that flood gates at the Sarawak River mouth could "quite effectively" control the inflow and outflow of water.

During high tide, the Kuching Barrage would close and only open if swift currents from upstream push up the water level.

Jabu, who is state disaster relief committee chairman, said he did not expect the flood situation to worsen as long as it did not rain continuously like it did over the weekend.

Starting today until Sunday, tides are likely to be even higher.

Today, high tide is estimated at 6m around 5pm. The Drainage and Irrigation Department is forecasting the "king tide" to hit 6.3m on Thursday and Friday between 6.30pm and 7.30pm.

The Malaysian Meteorological Department extended its "orange stage" heavy rain warning (originally due to end yesterday morning) for another day. The warning covers the Kuching, Samarahan, Sri Aman, Betong, Sarikei, Sibul, Mukah and Bintulu divisions.

In Mukah, the body of a 17-year old girl, who went missing on Sunday when a longboat she was travelling on with four others capsized in Sungai Mukah, has been found.



Broken Earth: A section of road at the Puncak Borneo area destroyed by heavy rain. The road, about 40km from Kuching, leads to Kampung Abang. — Photo courtesy of The Star reader

Mukah Fire and Rescue Department chief Alimat Sam said the body of Atikah Rosli was found by a fisherman at 8.05am yesterday about 7km from where the boat overturned due to strong waves.

In Miri, some 10 settlements in various parts of the middle basin of Ulu Baram in northern Sarawak have been cut off from the outside world as floodwaters reached remote areas of the state.

As at press time yesterday, parts of the Mulu National Park were flooded following a day of incessant rain.

Telang Usan assemblyman Dennis Ngau said the latest round of floods in Baram was more severe than the first one about two weeks ago.

"This time, more settlements are flooded, with the water level at some places more than a metre high," he said.



To higher ground: Fire and Rescue Department workers helping stranded people to evacuate their flooded homes at Tondong town in Bau, about 30km from Kuching.



Contemplating: A senior citizen sits staring into space at the SK St Peter shelter near Simpok about 30km from Kuching. — Bernama



Sebanyak 33 Sekolah Di Sarawak Ditutup, 22 Dipantau Rapi

KUCHING, 19 Jan (Bernama) -- Sebanyak 33 daripada 55 sekolah di Sarawak yang digenangi air akibat banjir diarah tutup, membabitkan 2,696 pelajar sekolah biasa dan 765 pelajar sekolah berasrama.

Timbalan Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Alfred Jabu Numpang berkata ini terdiri daripada sekolah-sekolah di daerah Serian (9 sekolah), Limbang (7), Padawan (6), Bau (5), Baram (2) dan masing-masing satu di Samarahan, Lawas, Mukah dan Miri.

Menurutnya 22 daripada sekolah itu ditutup apabila air mulai naik di dalam kelas-kelas, manakala 11 lagi disebabkan jalan utama ke sekolah berkenaan sama ada ditenggelami atau dirosakkan banjir.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak berkata pihaknya sedang memantau dengan teliti perkembangan di 22 lagi sekolah yang kini digenangi air.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusi mesyuarat berkenaan di bilik gerakan negeri di sini hari ini beliau berkata lima daripada 55 sekolah berkenaan adalah sekolah menengah.

Alfred Jabu berkata tempoh masa penutupan sekolah tidak dapat dipastikan setakat ini, namun beliau memberi jaminan ia akan dibuka hanya selepas pihaknya berpuas hati dengan tahap keselamatan pelajar dan guru terpelihara.

Sementara itu, beliau berkata Lembaga Sungai-sungai Sarawak mengeluarkan arahan supaya orang ramai tidak menggunakan perahu penambang di Sungai Sarawak ketika ini memandangkan arus sungai itu yang kuat.

Beliau berkata perkhidmatan bot ekspres antara bandar Sibu dan bandaraya Kuching juga dihentikan seketika, namun perkhidmatan bot-bot ekspres antara bandar-bandar lain di Sarawak ketika ini boleh diteruskan.

Menurutnya ketika ini bahagian Kuching mencatatkan jumlah tertinggi mangsa banjir yang dipindahkan, dan pihaknya sedang memantau kawasan sekitar Tebingan Kuching, yang menjadi penanda utama banjir kepada pusat bandaraya Kuching.

Bagaimanapun Jabu berkata baraj yang mengawal paras air sungai berkenaan selama ini didapati berkesan dalam menghalang kejadian banjir akibat limpahan air di bandaraya.

Alfred Jabu berkata ketika ini berdasarkan keadaan semasa hujan yang semakin agak reda, pengalaman penjaga baraj yang mantap, dengan kerjasama maklumat data dari [Jabatan Meteorologi](#), keadaan banjir di sini Kuching dijangka terkawal.

-- BERNAMA



Suhu Di Kuala Krai Kedua Terendah Hari Ini - Meteorologi

KOTA BAHARU, 19 Jan (Bernama) -- Selepas dilanda banjir besar bulan lepas, jajahan Kuala Krai hari ini mencatat suhu kedua paling sejuk di negara ini selepas Cameron Highlands.

Menurut laman sesawang Jabatan Meteorologi, <http://www.met.gov.my>, Kuala Krai mencatat suhu minimum 19.4 darjah celsius dan maksimum 30.5 darjah celsius.

Suhu terendah jajahan itu kali pertama pada Januari tahun lepas.

Suhu di Cameron Highlands hari ini pula minimum 12.5 darjah celsius manakala maksimum 22.8 darjah celsius, menurut laman sesawang itu.

Jabatan Meteorologi dalam kenyataannya tidak menolak kemungkinan fenomena cuaca sejuk yang pernah berlaku pada tahun lepas boleh berulang.

"Udara sejuk dari pergunungan Himalaya dan Siberia ketika musim sejuk di Hemisfera Utara merupakan penyebab utama kejadian suhu sejuk ekstrem berlaku di utara dan pantai timur Semenanjung pada Januari tahun lepas.

"Kehadiran udara sejuk yang mendap menyebabkan keadaan kurang pembentukan awan, berikutan ini suhu lebih sejuk pada waktu malam sehingga mencatat suhu serendah 17.2 darjah celsius seperti berlaku tahun lepas di Kuala Krai," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu menyebut bagaimanapun fenomena berskala global seperti ini sukar diramal memandangkan banyak faktor lain yang mempengaruhi fenomena suhu sejuk ekstrem ini.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat cuaca terkini melalui talian hotline 1-300-22-1638, laman web jabatan www.met.gov.my dan laman sosial MetMalaysia di facebook <https://www.facebook.com/malaysiamet> atau twitter <https://twitter.com/malaysiamet>.

-- BERNAMA